

**Cara Turunnya al-Qur'ān dari *lawḥ mahfūz***

Alim ulama bersalah-salahan pendapat tentang *kayfiyyah* turunnya<sup>5</sup> al-Qur'ān dari *lawḥ mahfūz*. Dalam soal ini ada tiga pendapat:

1. Al-Qur'ān telah diturunkan ke langit dunia pada malam "*laylat al-qadr*" dengan sekaligus, iaitu dari awalnya hingga akhirnya - hingga tamat. Setelah itu diturunkan dengan beransur-ansur dalam tempoh dua puluh tahun, atau dua puluh tiga tahun, atau pun dua puluh lima tahun. Hal ini berdasarkan kepada perselisihan yang terjadi tentang berapa lama Rasulullah (S.A.W) bermukim di Mekah sesudah baginda diangkat menjadi Rasul.

2. Al-Qur'ān telah diturunkan ke langit dunia dalam 20 malam "*laylat al-Qadr*" (selama 20 tahun), atau dalam 23 malam *laylat al-Qadr* (selama 23 tahun), atau pun dalam 25 malam *laylat al-Qadr* (selama 25 tahun). Pada tiap-tiap malam yang tersebut diturunkan ke langit dunia sekadar yang diturunkan dalam tahun itu kepada Nabi Muhammad (S.A.W) dengan beransur-ansur.

3. Al-Qur'ān itu permulaan turunnya pada malam *laylat al-Qadr*. Kemudian diturunkan sesudah itu dengan beransur-ansur dalam berbagai-bagai waktu.

Pendapat yang ketiga ini ialah pendapat al-Sha'bī dan segolongan ulama.

Pendapat yang pertama itu pula ialah yang masyhur dan berdasarkan riwayat al-Ṭabrānī dari Ibn 'Abās,

ujarnya: "Diturunkan al-Qur'ān pada malam *laylat al-Qadr* dalam bulan Ramaḍan, ke langit dunia sekaligus semuanya. Kemudian dari sana diturunkan sedikit demi sedikit ke dunia." (Jalan riwayat ini dapat dipakai, tetapi tidak kuat benar).

*Tafsir al-Manār* berkata: Adapun erti menurunkan al-Qur'ān dalam bulan Ramaḍan, sebagaimana telah sedia diketahui, diturunkan sedikit demi sedikit dalam tempoh 23 tahun, ialah permulaan turunnya pada bulan Ramaḍan, pada malam yang dinamai *laylat al-qadr* (malam mulia) dan "*laylat al-mubārakah*" (malam yang diberkati), seperti yang tersebut dalam satu ayat al-Qur'ān oleh itu ahli-ahli tafsir menyangka, bahawa ayat ini, musykil keadaannya. Bagi menghuraikan kemusykilan itu, mereka riwayatkan bahawa yang dimaksud dengan: "Diturunkan pada malam *laylat al-qadr*" ialah diturunkan ke langit dunia. Sedang al-Qur'ān sebelum itu termaktub pada *lawḥ mahfūz* di atas langit yang ketujuh. Sesudah itu baharulah diturunkan berdikit-dikit kepada Nabi (S.A.W). Zahir perkataan mereka ini memberi pengertian, bahawa al-Qur'ān tidak diturunkan kepada Nabi pada malam *laylat al-Qadr* itu, hanya diturunkan dari *lawḥ mahfūz* ke langit<sup>6</sup> dunia sahaja.

Al-Ustādh al-Imām al-Shaykh Muhammad 'Abduh berkata: Riwayat-riwayat ini sama sekali tidak sah. Sebenarnya, beberapa tambahan telah ditambahkan dengan tujuan hendak memuliakan bulan Ramaḍan. Kita tidak berhajat kepada riwayat-riwayat itu. Bagi memuliakan bulan Ramaḍan cukup

<sup>5</sup> turunnya

<sup>6</sup> langit

“tetapi dia ialah al-Qur’ān yang mulia (termaktub) pada *lawh mahfūz*.” - 21, al-Burūj.

Segolongan ulama yang lain pula berkata: Lafaz al-Qur’ān itu ialah lafaz Jibrīl, seperti yang diterangkan oleh firman Allah:

“*Innahu laqawlu rasūlin karīm*”

“Bahawasanya dia, sungguh ucapan pesuruh (Jibrīl) yang mulia.” 40, al-Hāqqah.

Golongan yang ketiga pula berkata: al-Qur’ān itu ialah lafaz Nabi Muhammad (S.A.W) sendiri, berdasar kepada firman Allah:

“*Nazala bihi al-rūh al-amīn ‘ala qalbika...*”

“Telah dibawa turun oleh “*al-rūh al-amīn*” (Jibrīl) kepada hatimu.” 193, al-Shu‘arā’.

Kalau demikian, tentulah yang diturunkan kepada Nabi (S.A.W) makna al-Qur’ān, lalu Nabi menyebutnya dengan memakai lafaz baginda sendiri.

Ahli-ahli *tahqīq* berpendapat, bahawa pendapat yang hampir kepada kebenaran dan kebesaran al-Qur’ān ialah: Pendapat yang pertama: Itulah yang lebih tepat dan lebih sesuai dengan kedudukan al-Qur’ān sebagai *Kalām Allah* dan sebagai satu mukjizat.

Al-Bayhaqī berkata: Bahawa memaknakan firman Allah: “*Innā anzalnāhu fī laylat al-Qadr*” (Bahawasanya Kami menurunkannya pada malam *laylat al-Qadr*) ialah: Bahawa Kami memperdengarkannya kepada malaikat dan Kami berikan faham kepadanya, lalu Kami turunkan dia membawa apa yang ia telah dengar. Malaikat itupun berpindah dari alam tinggi ke alam bawah.

Pendapat ini (yakni Jibrīl mendengar langsung dari Allah ‘*Azza wa Jalla*), dikuatkan oleh riwayat al-Ṭabranī, bahawa Rasulullah (S.A.W) bersabda, (ertinya):

- Apabila Allah berkata-kata, gementarlah langit kerana takutnya akan Allah. Maka apabila didengar oleh malaikat-malaikat akan yang demikian itu, pengsanlah sekaliannya lalu sujud. Maka yang mula-mula mengangkat kepalanya ialah Jibrīl, Allah pun menerangkan kepadanya sesuatu wahyu yang dikehendaki.”

Al-Juwaynī berkata: *Kalām Allah* itu (yakni yang diturunkan) adalah terbahagi dua:

Pertama: Bahagian yang Allah berkata kepada Jibrīl: Katakanlah kepada Nabi yang engkau diutus kepadanya, bahawa Allah *Subhānahu wa Ta‘ālā* berfirman begini, atau menyuruh mengerjakan yang difirmankan oleh Allah, kemudian ia membawanya turun kepada Nabi. Akan tetapi bukan dengan “ibadat” yang didengar dari Allah, yakni yang disampaikan kepada Nabi itu hanya maknanya sahaja.

Kedua: Bahagian yang Allah berfirman kepada Jibrīl: Bacakan kepada Nabi akan kitab ini. Jibrīl pun turun membawanya dengan tidak mengubah lafaznya.

**“Ke mana sahaja saya berpaling, saya lihat Nusaybah binti Ka‘ab berperang dengan gagah berani untuk membela saya” - kata Rasulullah ketika beliau menceterakan masa Peperangan Uḥud yang sangat-sangat mencemaskan itu.**

**‘Abdullah ibn Zayd luka lengannya di medan itu dan setelah dibalut oleh ibunya Nusaybah, kemudian ibunya berkata: Mari bangun kita serbu musuh! Mendengar ucapan itu Rasulullah bersabda: “Siapakah yang mempunyai jiwa seperti yang engkau punyai Nusaybah?”**

**Inilah perjuangan Nusaybah! Bacalah sejarahnya dalam serial yang kedua Sejarah *Shuhada’* Islam!**

**Harganya hanya 50 sen. Pusat 10 sen.**

**QALAM, 356/8. Geylang Road, Singapore 14.**

dengan Tuhan menjadikannya bulan kita berpuasa.

Tuhan tidak menerangkan bahawa al-Qur'ām<sup>3</sup> diturunkan sekali gus dalam bulan Ramadan, dan tidak pula menerangkan bahawa al-Qur'ān itu diturunkan dari *lawh mahfūz*. Oleh itu, tetaplah al-Qur'ān terpelihara dengan sempurna pada *lawh mahfūz*, sesudah diturunkan (*dinaqalkannya*) dari *lawh mahfūz* itu untuk diturunkan ke bumi.

Menurut pendapat jumbuh, lafaz-lafaz al-Qur'ān tertulis pada *lawh mahfūz*, lalu dipindahkan dan diturunkan ke bumi. Dengan demikian tiadalah ada lagi lafaz-lafaz al-Qur'ān pada *lawh mahfūz*. Menurut *tahqīq* kami; bahawa yang dinaqalkan bukan lafaz yang termaktub di sana, hanya disalin lalu diturunkan. Sama dengan orang menghafaz isi kitab. Isi kitab tetap berada dalam kitab.

Yang disalin pun seratus peratus sebagai yang tertulis dalam kitab itu.

#### Erti menurunkan al-Qur'ān

Cara malaikat menerima lafaz al-Qur'ān dan menurunkannya, menjadi perselisihan juga di antara alim ulama. Al-Ṭībī berkata: Boleh jadi malaikat yang menurunkan al-Qur'ān kepada Nabi menerimanya daripada Allah dengan cara yang tertentu (penerimaan keruhanian), atau malaikat itu menghafaznya dari *lawh mahfūz*. Sesudah dihafaz malaikat pun menurunkannya, lalu menyampaikan kepada Nabi.

Seterusnya alim ulama berselisihan pula tentang apakah yang diturunkan itu?

1. Pendapat pertama menetapkan bahawa yang diturunkan itu ialah “lafaz” dan “makna”. Jibrīl menghafaz al-Qur'ān dari *lawh mahfūz* lalu menurunkannya (menyampaikannya kepada Nabi).

2. Pendapat kedua menetapkan, bahawa Jibrīl

menurunkan maknanya sahaja. Rasul mengetahui makna-makna itu, lalu baginda menta'*bīrkan* dengan bahasa Arab.

3. Pendapat ketiga menetapkan, bahawa Jibrīl menerima makna lalu menta'*birkannya* dengan bahasa Arab. Dan ada fahaman yang mengatakan isi langit membaca al-Qur'ān itu dengan bahasa Arab. Lafaz Jibrīl itulah yang diturunkan kepada Nabī (S.A.W).

#### Nisbah Lafaz al-Qur'ān

Ringkasnya, alim ulama berselisihan tentang “nisbah lafaz al-Qur'ān”. Kata segolongan ulama bahawa lafaz al-Qur'ān itu dinisbahkan kepada Allah. Allah '*Azza wa Jalla* menjadikannya pada *lawh mahfūz*, sebagaimana yang tersebut dalam firman Allah:

“*bal huwa qur'ān majīd fī lawh mahfūz.*”

Kitab sejarah untuk sekolah-sekolah sudah siap

Sejarah Ringkas

**Muhammad**

*ṣallā Allāh 'alayhi wa sallam*

Disusun oleh 'Idrūs. Sejarah

ringkas Junjungan kita Muhammad (S.A.W) yang perlu diketahui terutamanya oleh murid-murid sekolah.

Tiap-tiap bahagian disudahi dengan pertanyaan-pertanyaan yang boleh mengingatkan murid-murid kepada apa yang telah

dibacanya. Bahasanya mudah difaham dan disulam dengan peta dan gambar-gambar yang berkenaan dengan

sejarah-sejarah itu. Pertama buku sejarah

ringkas yang diterbitkan oleh Qalam untuk sekolah-sekolah.

Senaskhah \$ 1.20

Pusat 10 sen.

QALAM

356/8, Geylang Road,

Singapore 14.

<sup>3</sup> al-Qur'ān